

R 8329 DEB
MAHATHIR - PENIAGA

PULAU PINANG, 17 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGINGATKAN PARA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA SUPAYA MENYELESAIKAN SENDIRI SEGALA MASALAH YANG MEREKA PIKUL TANPA TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN MENCARI PENYELESAIAN.

KATANYA, KERAJAAN SENDIRI SELAMA 30 TAHUN, KHUSUSNYA 17 TAHUN TERAKHIR INI, TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI TINDAKAN DAN DASAR SEPerti DASAR EKONOMI BARU KHUSUS UNTUK MEMBANTU MASYARAKAT PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA MENCApAI PERSIMBANGAN DENGAN KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI.

SEMASA ZAMAN KAYA YANG DIALAMI OLEH NEGARA, SEOLAH-OLAH USAHA-USAHA KERAJAAN ITU TELAH MENCApAI KEJAYAAN SEPENUHNYA, TETAPI KEMELESETAN YANG MELANDA NEGARA MENUNJUKKAN +KEJAYAAN+ ITU SEBENARNYA SATU KEGAGALAN.

+RAMAI DARIPADA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA YANG +KAYA+ SEMASA ZAMAN MEWAH TELAH JATUH BANKRAP,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA ANGGOTA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA YANG MENGHADIRI JAMUAN MAKAN DI RUMAH TETAMU KERAJAAN DI SINI.

KATANYA, KEMELESETAN ITU TELAH MEMBUKA KELEMAHAN YANG SELAMA INI TERTUTUP OLEH +KEJAYAAN+ SEMASA ZAMAN KESENANGAN ITU. -- LAGI
2238MST 17 01 88

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT KEGAGALAN MEREKA BUKAN SAHAJA KERANA KEMELESETAN TETAPI JUGA SALAH PENGURUSAN DAN SIKAP PERIBADI SEPERTI KURANG AMANAH DAN MEMBELAKANGKAN AMALAN YANG BAIK.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK MAHU PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA TERUS DENGAN KESUSAHAN MEREKA DAN ANTARA TINDAKAN TERBARU MEMPERUNTUKKAN \$500 JUTA UNTUK MEMBANTU MEREKA MENGATASI KEKURANGAN PEMBELANJAAN MEREKA.

+TETAPI USAHA-USAHA ITU TIDAK AKAN MENCAPAI MATLAMATNYA SEKIRANYA BUMIPUTERA SENDIRI TIDAK BERUBAH SIKAP DAN TIDAK MAHU SECARA BERSAMA Mencari penyelesaian sendiri,+ TEGASNYA.

BELIAU BERHARAP BUMIPUTERA TIDAK AKAN MENGGUNAKAN ALASAN KEMELESETAN DALAM MENGHADAPI KEGAGALAN KERANA ADA BANGSA SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN DAN THAILAND BERTAMBAH KAYA DALAM ZAMAN ITU KERANA SIKAP MEREKA YANG INGIN KEJAYAAN.

OLEH ITU, BELIAU MENASIHATI PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA AGAR MENKAJI KESAN KEMELESETAN ITU SECARA IKHLAS DAN JUJUR SUPAYA DIKETAHUI KELEMAHAN SENDIRI DAN DICARI JALAN KELUAR. -- LAGI
2241MST 17 01 88

U- B331 DEB

MAHATHIR - PENIAGA 3 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENASIHATI PUCUK PIMPINAN DEWAN AGAR JANGAN BERMAIN POLITIK DAN HENDAKLAH TERUS MENUMPUKAN USAHA MEMBAIKI KEADAAN KEWANGAN ANGGOTA DAN MASYARAKAT BUMIPUTERA KESELURUHANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KHUATIR JIKA MEREKA BERPOLITIK SEPERTI ORANG POLITIK BERPOLITIK, KEJAYAAN DALAM BIDANG EKONOMI TIDAK AKAN DIPEROLEHI OLEH BUMIPUTERA KERANA TERLALU BANYAK MASA TERBUANG HANYA UNTUK MEREbut KUASA KEPIMPINAN.

BERHUBUNG DENGAN LAPORAN-LAPORAN AKHBAR MENGENAI KEMUNGKINAN MESYUARAT AGUNG DEWAN KALI INI AKAN HEBAT KERANA ADA PEMILIHAN, BELIAU BERSYUKUR IA TIDAK BERLAKU DAN SUKAGITA MESYUARAT BERJALAN DENGAN LANCAR DAN LICIN, MENUNJUKKAN PETANDA BAIK KEPADA KEMAJUAN DEWAN UNTUK SEPANJANG TAHUN INI.

YANG DIPERTUA DEWAN, DR NAWAWI MAT AWIN, YANG TERPILIH SEMULA TANPA BERTANDING PADA MESYUARAT AGUNG DEWAN PAGI TADI, BERKATA BELIAU DAN ANGGOTA JAWATANKUASA BARU AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PERDANA MENTERI UNTUK Mencari jalan keluar terhadap masalah yang dihadapi oleh PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH PEMANGKU KETUA MENTERI, DATUK KHOO KAY POR, MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, SENATOR FARID ARIFFIN DAN NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI. -- BERNAMA
225AMST 17 01 88